

Kelantan

- Muhammad Hawari Berahim

Kelantan Darul Naim merupakan sebuah negeri daripada 13 buah negeri di Malaysia. Mempunyai keluasan kira-kira 14,922 km², terletak di Timur Laut Semenanjung Malaysia dan berhadapan dengan Laut China Selatan. Kelantan mempunyai kepadatan penduduk seramai 2,000,000 orang. Kaum Melayu merupakan majoriti sebanyak 95%, diikuti kaum Cina 3.8%, kaum India 0.3% dan lain-lain kaum sebanyak 0.9%. Kelantan adalah sebuah negeri pertanian dan mempunyai banyak kawasan tanaman padi dan perkampungan nelayan. Suatu masa dahulu Kelantan terkenal dengan penanaman tembakau.¹

Menelusuri konteks seni dan budaya, negeri Kelantan sangat sinonim dengan kebudayaan yang berasimilasi dengan negara jiran Thailand. Wilayah-wilayah Selatan Thailand dahulunya dikenali sebagai negeri Patani Darul Salam mempunyai hubungan sejarah yang akrab dengan Kelantan melalui Kesultanan Melayu Patani yang didokongi oleh Kesultanan Melayu Islam. Kesultanan Melayu Kelantan mempunyai pertalian darah dengan Kesultanan Melayu Patani dan juga Kesultanan Melayu Negeri Champa. Pengkhianatan oleh Siam dan British membuatkan wilayah-wilayah negeri Patani dipecahkan kepada wilayah-wilayah kecil yang terdiri daripada Yala (Jala), Narathiwat (Menara), Patani dan Songkhla (Senggora) oleh Thailand.

Hasil daripada faktor-faktor ini maka Kelantan mempunyai budaya yang unik dan berkait rapat dengan budaya dari Selatan Thailand. Asimilasi antara budaya Melayu, Siam dan Islam menghasilkan persembahan pentas seperti Dikir Barat, Main Pateri, Mak Yong dan lain-lain. Ketiga-tiga elemen ini mempengaruhi evolusi kebudayaan dan seni persembahan di Kelantan sehingga ke hari ini.²

Manakala seni lukis di Kelantan pula bermula sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi, iaitu di zaman pemerintahan British. Ini dapat dilihat daripada karya-karya himpunan tetap Balai Seni Negara, daripada pegawai-pegawai kolonial British mahupun pengembara-pelukis yang menjadikan lakaran, lukisan cat air, fotografi dan rakaman filem sebagai suatu kaedah merekod peristiwa yang berlaku semasa itu. Kemudian ia berkembang seiring dengan perkembangan seni lukis moden Malaysia seperti yang pernah dicatatkan.

“Selama ini seni tampak di Kelantan, yang mungkin dilihat sebagai sebuah ekspresi yang elitis dan eksklusif, mungkin kerana sifatnya yang lebih urban dan moden, berbeza dari seni rakyat Kelantan yang lebih bersifat tradisional.”

Dr Zulkifli Haji Mohamad (2008)³

2 <https://ich.unesco.org/en/RL/mak-yong-theatre-00167>

3 Dr Zulkifli Haji Mohamad (2008). Di mana bumi dipijak, Di situ langit dijunjung. Bumi Angin-Pameran Seni Tampak Kelantan.

1 Rujuk karya Hossein Enas 'Memetik Daun Tembakau Di Kelantan' (1962)

Pada awalnya seni lukis di Kelantan kelihatan seolah-olah benda (kesenian) asing berbanding praktik seni tradisional yang telah sebatik dalam jiwa rakyatnya. Namun seni yang berkiblatkan Barat itu mula diterima melalui faktor-faktor yang sama dengan penerimaan seni moden di Malaysia. Nik Mahmood Nik Idris boleh dianggap sebagai bapa seni moden di Kelantan kerana mencetus suatu gerakan mengangkat martabat seni lukis moden, hasil daripada minat dan rasa tanggungjawab kepada negeri kelahirannya. Antara seniman-seniman Kelantan yang berguru dengan beliau adalah seperti Nik Zainal Abidin, Khalil Ibrahim, Mokhtar Ishak, Yusuf Sulaiman, Ismail Mat Hussin, Wan Ismail Wan Jaafar dan Yusuf Abdullah.⁴

Kegiatan seni lukis di Kelantan pada awalnya dinaungi oleh Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI), yang mana namanya diubah dari Persatuan Seni Rupa Kelantan pada tahun 1990. Persatuan ini dipelopori oleh Nik Mahmood dan rakan-rakannya sekitar tahun 1979 dengan mengadakan aktiviti melukis di sekitar Kelantan. Semangat setia kawan dan berpersatuan ini disambut baik oleh generasi-generasi seniman angkatan baharu. Sehingga muncul persatuan-persatuan baharu dalam seni lukis di Kelantan yang cuba mengisi kelompangan dan rasa berpersatuan yang ada turun naik prestasinya. Persatuan Seniman dan Warisan Kelantan (PESTA) dan Persatuan Penggiat Seni Lukis Kelantan (PELUKIS) merupakan sebuah inisiatif baharu dalam berpersatuan, yang cuba mengisi kelompangan dan meraikan arena seni lukis di Kelantan semasa ini.



Jejak Seni Kelantan

Hari ini, seni lukis di Kelantan telah mengalami perubahan yang agak ketara berbanding fasa perjuangannya sebelum ini. Sistem sokongan daripada seniman, kerajaan negeri, institusi seni serta ekosistemnya yang sedang membangun menjadikan seni rupa di Kelantan berada dalam identitinya yang tersendiri. Jejak Seni Malaysia-Kelantan oleh Balai Seni Negara telah memberi peluang dan ruang untuk seni rupa di Kelantan berkembang dan dikenali melalui promosi dan kajian yang dijalankan.

Kelantan terbahagi kepada 11 jajahan yang meliputi Jajahan Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Gua Musang, dan Jajahan Kecil Lojing. Kesemua jajahan ini akan diselusuri dan dilakukan kajian terhadap bentuk dan sistem sokongan kesenian yang berlaku melalui kategori yang telah ditetapkan. Pembahagian kategori dalam pemetaan kajian ini dibahagikan kepada lima seperti; karya seni awam, galeri/ studio/ residensi, persatuan/ komuniti/ kolektif, lorong seni, dan ekosistem lain. Kesemua kategori ini akan dibahaskan secara terperinci dari hasil dapatan kajian yang telah dilakukan.

Karya Seni Awam

Karya seni awam di Kelantan terdapat dua kategori iaitu replika dan arca awam. Secara latarnya didominasi oleh monumen dan replika yang menghiasi hampir kesemua jajahan yang terdapat di Kelantan sebagai mercu tanda. Antara replika terawal yang dibina di Kelantan adalah lapan replika kijing daripada tembaga yang menyemburkan air dari mulut yang dibina di Kota Bharu.⁵ Replika ini menghiasi bulatan utama, yang kini menjadi simpang empat menemukan Jalan Hamzah (dari Wakaf Siku sehingga tebing Sungai Kelantan), Jalan Zainal Abidin dan Jalan Pintu Geng. Replika ini telah dibuang pada tahun 1990 apabila PAS memerintah Kelantan.⁶



Kini replika-replika yang menghiasi bulatan utama ataupun persimpangan setiap jajahan diisi dengan buah-buahan tempatan tersebut, ataupun objek-objek seni-budaya. Seperti contoh, Jajahan Machang, Tanah Merah, Kuala Krai, Kota Bharu meletakkan replika machang (bachang), ketereh (gajus), jagung, manggis dan durian. Jajahan Pasir Puteh, Pasir Mas dan beberapa kawasan dalam Jajahan Kota Bharu meletakkan objek seni-budaya dan bukti pemerintahan seperti kapal, tepak sirih, rebana ubi dan Al-Quran.

Manakala bagi arca awam pula, hanya boleh dilihat dalam kawasan Universiti Malaysia Kelantan yang berada di Bachok. Sebanyak dua arca awam yang telah dibina dan satu lagi masih berada dalam proses perbincangan. Arca 'Kesatuan' (2014) merupakan arca awam yang pertama dibina di Kelantan. Arca ini dihasilkan oleh pensyarah-pensyarah Jabatan Reka bentuk dan Teknologi Kreatif, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan secara gotong-royong. Manakala arca yang kedua 'Doa' (2019) dihasilkan oleh seniman Hawari Berahim yang merupakan pensyarah di UMK juga.

5 Lihat babak memandu kereta melalui bulatan tersebut dalam filem 'Esok Untuk Siapa' lakonan Jins Shamsuddin.

6 Berahim, H., Abdullah, M., Zailuddin, F. N. O., & Datoem, A. (2019). Reconstructive and Innovation of Local Subject in Daily Life towards Extended Replica. TEST Engineering & Management.



Galeri/ Studio/ Residensi

Sebayak 30 ruang sama ada sebagai studio pelukis ataupun galeri telah direkodkan setelah melalui tapisan kriteria sebagai sebuah ruang seni. Hampir setiap daerah di Kelantan mempunyai ruang seni yang dimiliki pelukis sama ada sebagai ruang melukis mahupun pameran. Kebanyakan pelukis di Kelantan hanya menggunakan sebahagian ruang dalam rumah untuk melukis dan tidak menganggap ia sebagai studio dan hanyalah sebagai ruang kerja sementara.

Balai Seni Lukis Kelantan merupakan sebuah ruang berkonsepkan galeri yang terawal di Kelantan yang dibina pada tahun 1988. Kemudian dipindahkan ke Muzium Negeri Kelantan pada tahun 1992 dan akhirnya mempunyai bangunan sendiri bersebelahan muzium yang dirasmikan pada Disember 2013. Selepas

itu, tumbuhlah galeri-galeri persendirian di sekitarnya dan jajahan-jajahan berdekatan. Galeri Kotak Seni, Galeri PESTA, Galeri Mokte Rende, Balai Kartun Rossem, Galeri Seni Lukis Pak Ayub, Galeri Seni Lukis Ismail Kadir, Lakarasa Studio & Gallery, PORT PELUKIS dan Abdullah Gallery yang berada dalam Jajahan Kota Bharu. Bagi galeri yang berada di luar Kota Bharu adalah SENDI Studio & Gallery di Bachok, Titik Art Gallery, dan 7D Fantasy Museum di Pasir Mas dan beberapa lagi.

Manakala bagi ruang studio pula, kebanyakan seniman di Kelantan belajar seni secara otodidak dan hanya menjadikan sebahagian ruang dalam rumah sahaja sebagai ruang berkarya. Manakala sebahagian lagi seniman adalah pensyarah-pensyarah seni di universiti di Kelantan dan lepasan mahasiswa seni yang bekerja di Kelantan. Ruang-ruang studio seniman di Kelantan tersebar hampir semua jajahan. Antara ruang studio yang terdapat di beberapa daerah di Kelantan adalah seperti Ruang Tempo, ACM Studio, Varna Art Studio, Teratak Warna, i.d Studio, Eiro Studio, Studio Kolam Abu, Rumah Ladang Contemporary Art Studio, Nugoho Contemporary Art Studio, SENDI Studio, Lakarasa Studio, Studio Mokte Rende, Tangan Emas Studio, Korakora Art Studio dan banyak lagi.

Persatuan/ Komuniti/ Kolektif

Persatuan seni yang berdaftar di Kelantan adalah Persatuan Pelukis Kelantan (PESENI), Persatuan Seniman dan Warisan Kelantan (PESTA) dan Persatuan Penggiat Seni Lukis Kelantan (PELUKIS). Manakala kolektif yang wujud setakat ini adalah gabungan seniman muda yang bersama-sama dengan Tangan Emas Studio menghasilkan projek-projek mural sekitar Kelantan.



Persatuan Seni Lukis Kelantan (PESENI) merupakan persatuan seni lukis yang pertama ditubuhkan dengan pertukaran nama dari Persatuan Seni Rupa Kelantan pada tahun 1990. PESENI sekarang diterajui oleh Ismail Kadir sebagai pengerusi. Manakala PESTA atau Persatuan Seniman dan Warisan Kelantan merupakan serpihan daripada ahli-ahli PESENI yang ditubuhkan pada 2019 dan dipengerusikan oleh Wan Hamzah Wan Daud. Persatuan Penggiat Seni Lukis Kelantan (PELUKIS) merupakan persatuan yang paling baharu dan ditubuhkan pada tahun 2020, yang dipengerusikan oleh Ramlee Hamzah.



Lorong Seni

Lorong seni di Kelantan, hanya Jajahan Kota Bharu dan Machang sahaja yang mempunyainya. Lorong-lorong ini dihiasi dengan catan mural yang dihasilkan secara gotong-royong oleh seniman-seniman dari persatuan seni, pemsyarah



seni, pelajar seni, mahupun secara projek kepada seniman. Che Mek Molek Art Street di Machang merupakan lorong seni yang pertama dihasilkan di Kelantan pada tahun 2014 oleh pensyarah dan pelajar seni halus UiTM Machang sempena pertandingan Toyota Eco-Youth yang disertai oleh pelajar Sekolah Menengah Hamzah 2, Machang. Projek ini dengan kerjasama oleh Majlis Daerah Machang, PSPPA, BOMBA, PPD, dan Jabatan Kesihatan Daerah Machang.

Lorong Seni dan Budaya dan Kota Bharu Art Street merupakan lorong yang dihiasi mural di Jalan Dato Pati, Kota Bharu. Kota Bharu Street Art bagi fasa pertama adalah 'Laman Mural Cakna Palestin' hasil inisiatif daripada Cakna Palestin sebuah NGO yang berpangkalan di Kelantan. Fasa seterusnya disambung oleh pelajar-pelajar Fakulti Teknologi Kreatif, UMK. Lorong Seni Budaya pula adalah mural daripada PESENI yang bersebelahan dengan Laman Mural Cakna Palestin.



Mural-mural lain yang menghiasi dinding sekitar Kota Bharu adalah hasil air tangan dari Studio Tangan Emas. Tiga jajahan utama yang mempunyai mural adalah Kota Bharu, Machang dan Bachok. Kota Bharu adalah sebagai ibu negeri dan pusat tumpuan pelancong dan pentadbiran manakala Machang dan Bachok kerana wujudnya institusi pengajian tinggi.

dan Giant telah mula membuka ruang mereka untuk persatuan seni mengadakan aktiviti kesenian.

Ruang-ruang seni persendirian yang lain seperti Balai Kartun Rossem, Singgora dan 7D Fantasy Museum juga adalah alternatif lain dalam berkesenian. Bagi tujuan kelengkapan seni pula, antara pilihan



Ekosistem Lain

Ekosistem lain yang menyokong seni lukis di Kelantan pula wujudnya dua buah fakulti seni di Universiti Teknologi Mara dan Universiti Malaysia Kelantan melalui Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka dan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Kelas melukis Kampung Kraftangan, Kotak Seni dan Hano Art merupakan sistem sokongan dalam bentuk pembelajaran seni. Manakala beberapa hotel dan pasar raya seperti Hotel Perdana, Tune Hotel, Aeon Mall, KB Mall, Mydin Hypermarket


seniman di Kelantan adalah Pustaka Sri Dunia yang menyediakan peralatan seni. Art2Kanvas antara pembuat bingkai dan perkhidmatan percetakan, KoraKora Art Studio dalam perkhidmatan karikatur dan Studio Tangan Emas melakukan kerja-kerja mural.

Penutup

Konsep Model Seni Lukis Kelantan

Seni lukis di Kelantan secara dasarnya disokong oleh beberapa faktor dalam

perkembangannya. Seniman melalui persatuan seni, mahupun seniman yang bergerak secara sendiri merupakan tunjang dalam gerakan ini. Percambahan persatuan seni dengan pelbagai usaha dalam merencanakan perkembangan seni dan ekonomi ahlinya merupakan suatu usaha yang positif.



Ruang-ruang fizikal yang bertambah daripada seniman sama ada galeri atau studio persendirian merupakan suatu usaha menyokong Balai Seni Lukis Kelantan yang menjadi pelopor ruang seni di Kelantan. Pembinaan studio dan galeri di luar pusat pentadbiran merupakan satu sikap berani dalam usaha berkesenian. Selain daripada itu, objek-objek seni-budaya sebagai objek pegun di persimpangan jalan atau lorong di setiap jajahan adalah simbol estetik dan pengenalan identiti setempat.

Institusi seni seperti Universiti Teknologi Mara dan Universiti Malaysia Kelantan melalui fakulti seni mereka merupakan suatu sumbangan ilmiah bentuk dan makna dalam menyokong sistem kesenian sedia ada di Kelantan. Hubungan baik dalam menyemarakkan kesenian di Kelantan disuburkan melalui percambahan ilmu kepada seniman dan ruang-ruang awam.

Pentadbiran kerajaan Kelantan yang dulunya jumud seni-budaya mula membuka dan memberi ruang kepada

seniman-seniman dalam mengangkat kesenian di Ekosistem seni

mula berkembang dengan sokongan daripada pelbagai pihak dalam merayakan perkembangan seni di Kelantan mutakhir ini.

Pusat membeli belah dan hotel mula membuka ruang mereka untuk pameran seni, wujudnya kelas-kelas pendidikan seni

untuk pelbagai golongan, dan bekalan barangan seni makin bertambah berbanding dahulu. Sistem sokongan seni yang lain makin bertambah dan eksekutifnya menjadi lebih mudah.

Secara keseluruhan seni lukis di Kelantan mula berkembang dengan pelbagai acara dan aktiviti, namun perkembangannya masih mendatar. Kebanyakan pameran seni masih berbentuk dua dimensi dengan persembahan catan-catan menggambar dari seniman. Kelompangan pada objek-objek dan bentuk seni lain masih kurang dan hampir tiada. Namun begitu, ini merupakan suatu identiti yang cuba dibentuk pada seni lukis di Kelantan. Dengan adanya program Jejak Seni Malaysia ini, sekurang-kurangnya menjadi wadah kepada seni lukis Kelantan dalam menyebarkan apa, siapa dan bagaimana seni lukis di Kelantan berfungsi dan berkembang.

معلومات او فراسي
MAKLUMAT OPERASI
HARI OPERASI : SABTU- KHAMIS
(Jumaat & Cuti Am dikecualikan)
MASA OPERASI : 8.00PG - 6.00 PTG
KADAR BAYARAN : 30 Minit - 40 Sen
1 Jam - 80 Sen



